

Ko Smo
1/10/2015
ms 14

IPU 111



BANGUNAN kerajaan termasuk Istana Kehakiman (kanan) di Putrajaya diselubungi jerebu dengan bacaan IPU 111 setakat pukul 11 pagi semalam.

IPU 112



MASJID Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan bangunan Menara Majlis Agama Islam Selangor (kiri) di Shah Alam hampir hilang 'ditelan' jerebu teruk dengan bacaan IPU 112 setakat pukul 1.00 petang semalam.

IPU 119



KENDERAAN melalui Lebuhraya Seremban - Port Dickson Sembilan semalam dalam keadaan jarak penglihatan yang terhad akibat jerebu.

Saran kerajaan naik taraf penapis partikel udara 2.5 mikrometer

Malaysia perlu IPU tepat

INFO IPU (sehingga pukul 5 petang)

Selangor	
Banting	138
Kuala Selangor	82
Pelabuhan Kelang	82
Petaling Jaya	115
Shah Alam	103

SKUDAI - Pasukan Bertindak Jerebu Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menyarankan kerajaan agar menaik taraf alat pemantauan kualiti udara termasuk menggunakan penapis partikel udara 2.5 mikrometer berbanding 10 mikrometer yang digunakan sekarang.

Ketua Penyelidik Pasukan Bertindak Jerebu UTM, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd. Fadhil Md. Din berkata, penggunaan alat pemantauan kualiti udara yang dikenali sebagai Minivel Tactical Air Sampler (TAS) itu menggunakan penapis partikel zarah 2.5 mikro meter mampu menapis partikel zarah yang lebih kecil.


"Penapis partikel zarah 2.5 mikrometer mampu menapis zaraf-zarah kecil yang berterbangan lebih lama dan ringan berbanding penapis 10 mikrometer yang hanya menapis partikel zarah yang

lebih besar. Sebenarnya, zarah-zarah kecil ini lebih berbahaya sekali gus mengganggu sistem pernafasan kita selain bahan partikel zarah yang kritikal pada ukuran 2.5 mikrometer.

"Negara jiran seperti Singapura telah menggunakan penapis ini mengikut bacaan yang dikenali sebagai Indeks Piawai Bahan Pencemaran (IPBP) berbanding Malaysia yang menggunakan penapis 10 mikrometer bagi bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU).

"Sebab itu ramai yang terkeliru dengan bacaan kualiti udara antara Malaysia dan negara jiran yang mempunyai bacaan berbeza," katanya pada sidang akhbar Pasukan Bertindak Jerebu UTM di sini semalam.

Mohd. Fadhil memberitahu, Malaysia sudah mempunyai alat kelengkapan penapis 2.5 mikrometer namun belum diaplikasikan memandangkan ia masih lagi dalam perbincangan.



MOHD. FADHIL (kiri) bersama seorang petugas memeriksa bacaan IPU menggunakan penapis partikel udara 2.5 mikrometer di kampus UTM Skudai, Johor Bahru semalam.

Kuala Lumpur
Batu Muda 116
Cheras 105
Putrajaya 97
Melaka 117

Sarawak
Kuching 69
Samarahan 81

Negeri Sembilan
Nilai 123
Port Dickson 133
Seremban 119

Pahang
Jerantut 88
Kuantan 94

Perak
Tanjung Malim 59
Seri Manjung 77
Ipoh 63

Johor
Pasir Gudang 118
Larkin Lama 111
Muar 112
Kota Tinggi 89

Terengganu
Kemaman 119
Kual Terengganu 82
Paka 108

IPU	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
301-400	Berbahaya
500	Darurat

20 penerbangan terjejas setiap hari

PUTRAJAYA - Kira-kira 20 penerbangan terjejas setiap hari berikutan masalah jerebu yang melanda negara ketika ini, kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai (**gambar**).

Beliau berkata, operasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor; Skypark Subang di Selangor serta lapangan-lapangan terbang di Sarawak telah menerima kesan daripada keadaan ber-jerebu yang menyebabkan



penerbangan mengalami kelewatan, pembatalan atau dilencongkan untuk mendarat di terminal penerbangan berhampiran.

"Kementerian Pengangkutan sedang bekerjasama dengan pihak berkenaan supaya pembenihan awan boleh dijalankan di lapangan terbang yang mengalami masalah jerebu serius.

"Jabatan Penerbangan Awam juga melaporkan perkembangan terkini secara harian," katanya ke-

pada pemberita di sini semalam.

Tiong Lai berkata, Kementerian turut mengumpulkan maklumat mengenai kesan jerebu ke atas operasi lapangan terbang dan ia akan disalurkan kepada kerajaan Indonesia supaya negara jiran itu memahami keadaan yang dialami oleh Malaysia.

Sementara itu, mengenai keselamatan kapal di Selat Melaka, Tiong Lai berkata, kapal-kapal kecil diminta menghentikan pelayaran jika jarak penglihatan berada dalam keadaan tidak memuaskan.

Semua sekolah termasuk di Johor dibuka hari ini

PUTRAJAYA - Semua sekolah di seluruh negara termasuk 1,178 buah sekolah di Johor dibuka seperti biasa hari ini setelah bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang dipantau sehingga pukul 4 petang semalam menunjukkan penurunan.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan semalam memberitahu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam ke-

las boleh dilaksanakan walaupun sesetengah kawasan mencatat sedikit peningkatan bacaan IPU iaitu tahap sederhana dan tidak sihat.

"Sehubungan itu, semua sekolah di seluruh negara hendaklah dibuka seperti biasa esok (hari ini) termasuk semua sekolah di Johor yang ditutup hari ini (semalam)," kata kenyataan itu di sini.